

ELAUN SEWA RUMAH

Cuepacs temui Dr. Mahathir minggu depan

KOTA BAHARU, Selasa — Keputusan mengenai tuntutan elaun sewa rumah kira-kira 500,000 orang pegawai dan kakitangan sektor awam dalam Kategori Tingkatan Tertinggi "G" ke bawah dijangka dapat diketahui minggu depan apabila pemimpin Cuepacs menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agung Cuepacs, Encik Jamaluddin Mat Isa, memberitahu pihak Cuepacs akan

berunding dengan Perdana Menteri di Kuala Lumpur minggu depan.

Bellau, yang baru dua hari pulang dari menghadiri mesyuarat Kesatuan Sekerja Sedunia di Geneva, ketika dihubungi semalam, memberitahu akan menghubungi Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Azizan Zainal Abidin hari ini bagi menetapkan tarikh pertemuan tersebut.

Encik Jamaluddin berkata, pihaknya baru-baru ini menerima surat dari Datuk Azizan mengatakan Datuk Seri Dr. Mahathir hendak

mengadakan perjumpaan dengan Cuepacs selepas pilihan raya umum lalu.

"Bagaimanapun perjumpaan tersebut terpaksa ditangguhkan kerana kedua-dua pihak menghadapi beberapa masalah tertentu," tambah beliau.

Encik Jamaluddin berkata, perjumpaan Cuepacs dengan Perdana Menteri ini adalah kali kedua. Perjumpaan pertama diadakan pada 22 Disember lalu bertujuan memberi penerangan kepadanya mengenai tuntutan tersebut.

Menurutnya, beliau

juga telah menyampaikan perkara itu kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, sewaktu beliau menghadiri perjumpaan anjuran Cuepacs sempena perayaan Hari Pekerja awal bulan Mei lalu.

Cuepacs meminta kerajaan membayar elaun sewa rumah kepada pekerja-pekerja di bawah Tingkatan Tertinggi "G" dengan kadar antara 75 hingga 275 ringgit sebulan mengikut kategori masing-masing.

Setiausaha Agung Cuepacs itu menambah, tuntutan tersebut memandangkan kerajaan membayar elaun sewa rumah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan dalam kategori Tingkatan Tertinggi "G" ke atas dengan kadar antara 340 hingga 2,000 ringgit sebulan, bermula 1 Julai 1980.

Mengulas sama ada tuntutan tersebut akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara berikutan kemelesetan ekonomi dunia sekarang beliau yakin tuntutan itu tidak akan menjejaskan ekonomi negara.

Menurutnya, hakikat itu nyata apabila kerajaan mengumumkan tidak membekukan pinjaman perumahan kepada kakitangan kerajaan dua hari lalu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri	2872
No. Penerimaan	617/85